

# Galak pelajar rajin membaca

Gesa sekolah memanfaatkan pusat sumber, sediakan bahan bacaan bersesuaian

**JUGRA** - Semua sekolah di Selangor perlu meneruskan aktiviti galakan membaca bagi menguasai kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar.

Ketua Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor, A Rahman Ngit berkata, statistik pada 2014 mendapati sebanyak 28 buku dibaca oleh pelajar sekolah menengah dalam setahun manakala 13 buku bagi sekolah rendah.

Menurutnya, amalan membaca yang diterapkan oleh semua sekolah terutama dalam program Nilam sebenarnya membantu pihak sekolah mempelbagaikan aktiviti selain menjadikan pusat sumber sebagai sebuah pusat membaca yang aktif.

"Pelajar-pelajar yang kurang cemerlang juga perlu diberi perhatian dengan menggunakan segala modul yang dicadangkan di setiap pejabat pendidikan daerah dalam menambah baik program di sekolah.

"Modul yang dicadangkan itu



Seorang guru dari SMK Tanjung Sepat, Rabeah Mansor (kanan) memenangi Anugerah Terbaik Guru Admin Visual Learning Environment (VLE) Peringkat Negeri Selangor yang disampaikan A Rahman.



Sebahagian guru yang menghadiri Majlis Anugerah Kecemerlangan Teknologi Pendidikan Negeri Selangor di Sekolah Menengah Sains Banting, semalam.

membantu guru-guru dalam pembelajaran lebih kondusif di samping penggunaan peralatan teknologi maklumat yang berkesan," katanya dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Teknologi Pendidikan Negeri Selangor di Sekolah Menengah Sains Banting, semalam.

A Rahman yang turut merasmikan Hari Nilam 1 Selangor berkata, beliau faham tugas guru bukannya mudah namun guru-guru di sekolah

luar bandar perlu memanfaatkan keperluan peralatan canggih bagi membantu pembelajaran pelajar.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Akademik, JPN Selangor, Nik Asma Nik Ahmad berkata, beliau berharap anugerah yang diberikan dapat menambah baik program pembastarian sekolah-sekolah di negeri ini.

Katanya, pihak sekolah bertanggungjawab dalam bidang peng-

gunaan makmal di sekolah termasuk semua yang berkaitan teknologi.

"Sudah tiba masanya Kementerian Pendidikan melihat penggunaan teknologi itu di semua sekolah.

"Ini salah satu usaha untuk memberi penekanan tentang pentingnya nilai membaca dalam kalangan pelajar sekolah," katanya.

Nik Asma berkata, pihaknya mengakui peranan penting yang dimainkan pusat sumber sekolah dalam me-

nyediakan bahan bacaan sekolah.

Katanya, menjadi tanggungjawab pengetua dan guru-guru di sekolah memastikan bahan-bahan bersesuaian terdapat di pusat sumber.

"Sekiranya ada peruntukan, ia perlu digunakan bagi mendapatkan bahan bacaan untuk kegunaan sekolah," katanya.

Dalam program itu, 26 anugerah disampaikan kepada pemenang dari sekolah-sekolah di Selangor.